

Cagamas muktamadkan terbitan dua mata wang asing



Presiden/ketua pegawai eksekutif Cagamas Datuk Chung Chee Leong



28/02/2023 04:54 PM

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) – Cagamas Bhd mengumumkan kejayaan memuktamadkan gabungan terbitan bernilai RM1.20 bilion, terdiri daripada S\$230 juta Nota Jangka Sederhana Kadar Tetap (EMTN dolar Singapura) dan Nota Jangka Sederhana Kadar Tetap HK\$800 juta (EMTN dolar HK), kedua-duanya bertempoh setahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong berkata ‘pemantauan yang konsisten terhadap kelebihan perbandingan antara terbitan mata wang asing dan domestik, ditambah dengan penglibatan berterusan dengan pelabur antarabangsa membawa kepada kejayaan dalam memuktamadkan terbitan itu.’

“Walaupun pasaran bon global terus berada di bawah tekanan berikutan kebimbangan inflasi yang kekal tinggi, kedua-dua terbitan dalam denominasi dolar SG dan HK adalah harga kompetitif dan dilanggan oleh pelbagai pelabur asing,” katanya dalam satu kenyataan.

“Terbitan dolar SG juga mewakili terbitan dolar SG terbesar Cagamas dalam satu tranche, yang menjadikan jumlah dana yang dikumpul untuk tahun ini kepada RM2.02 bilion,” tambah Chung.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembiayaan rumah daripada sistem kewangan domestik.

Kedua-dua bon dalam denominasi dolar SG dan dolar HK, yang diterbitkan melalui anak syarikat milik penuh syarikat itu, Cagamas Global PLC, dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas, ‘pada kedudukan pari passu dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat,’ kata Cagamas.